

22 MAY 2002

Mahkamah-Anwar/I

PERBICARAAN SAMAN ANWAR DITETAPKAN PADA 24 SEPT

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 24 Sept bagi perbicaraan saman Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bekas ketua polis negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan kerajaan mengenai "insiden mata lebam".

Hakim Datuk Abdul Hamid Said menetapkan tarikh itu di dalam kamar. Perbicaraan itu ditetapkan bagi tiga hari.

Anwar memfailkan saman itu terhadap Dr Mahathir atas sifatnya sebagai bekas menteri dalam negeri dan dua lagi pada 8 Jan 1999, memohon gantirugi teladan dan teruk.

Anwar, 54, yang mendakwa beliau mengalami trauma, berasa malu, penderitaan dan penghinaan semasa penahanannya, turut memohon kos dan relief lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Dalam kenyataan tuntutanannya, Anwar, bekas timbalan perdana menteri, berkata beliau ditahan di kediamannya kira-kira pukul 10 malam pada 20 Sept 1998 dan dibawa ke Bukit Aman lalu ditempatkan di dalam sel lokap.

Beliau mendakwa antara pukul 11 dan 11.30 malam, ketika mata beliau ditutup dengan kain dan tangannya digari dari belakang, beliau telah diarahkan supaya berdiri dan tiba-tiba beliau merasakan satu tumbukan kuat di mata kiri dan dahinya.

Dalam kenyataan pembelaan mereka, defendan menafikan dakwaan Anwar di dipukul di kepala dan dipukul teruk sehingga darah keluar dan hidung dan mulutnya.

Bagaimanapun mereka mengakui bahawa Abdul Rahim telah menampar muka Anwar tetapi menegaskan bahawa kata-kata Anwar "ini bapak anjing" kepada Abdul Rahim telah membangkitkan kemarahan bekas IGP itu dan menyebabkan beliau bertindak sedemikian.

Peguam Persekutuan Aliza Jamaluddin mewakili Dr Mahathir, Abdul Rahim dan kerajaan sementara Anwar diwakili peguam Karpal Singh.

-- BERNAMA

SSA ZS JK RON